

**PRUDENTIAL BSN**

TAKAFUL

## **PruBSN Anggun**

**Disediakan Khas untuk:**

CONTOH

*Contoh PDS ini berdasarkan seorang wanita sihat bersui 30 tahun (umur hari lahir akan datang) dan tidak merokok dengan Jumlah Perlindungan Rider sebanyak RM10,000. Bagi sebut harga yang bersesuaian dengan keperluan dan kemampuan anda, sila rujuk ejen anda untuk nasihat peribadi dan rujuk PDS dan ilustrasi produk sebenar anda..*

**Disediakan oleh:** PruBSN Takaful Berhad

Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN") adalah pengendali takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

**Manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential BSN Takaful Berhad atau PIDM (lawati [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).**

**1 Apa itu Mom Care?**

Mom Care adalah rider dengan sumbangan berkala yang dilampirkan kepada pelan asas PruBSN Anggun dan ia memberikan perlindungan takaful sehingga tarikh ulang tahun sivil bagi Orang yang Dilindungi yang berumur 50 tahun pada hari jadi seterusnya. Ia direka untuk melindungi ibu-ibu hamil daripada komplikasi kehamilan, dan anak mereka daripada penyakit kongenital. Rider ini juga merangkumi Penjagaan Kesuburan, satu manfaat yang pertama seumpamanya yang membantu wanita merealisasikan aspirasi mereka untuk menjadi seorang ibu dengan menawarkan perlindungan untuk rawatan kesuburan.

Akaun yang berkenaan dan konsep Syariah di bawah Mom Care adalah sama seperti pelan asas, PruBSN Anggun.

*Nota: Keterangan produk di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada dokumen sivil untuk maklumat lanjut.*

**2 Ketahui Perlindungan/Manfaat-manfaat anda?**

Sebagai ilustrasi, untuk RM 33.00 Bulanan, dengan Jumlah Perlindungan Rider sebanyak RM 10,000.00, anda akan menerima perlindungan/manfaat-manfaat untuk 20 tahun:		
Manfaat	Tempoh	Amaun yang Dibayar
<b>A. Manfaat Penjagaan Kehamilan<sup>3</sup></b> a) Kehamilan Ektopik b) Mol Hidatidiform (kehamilan Molar) c) Eklampsia d) Miomektomi semasa mengandung e) Abrupsi Plasenta f) Embolisme Cecair Amniotik g) Akut hati berlemak semasa kehamilan (AFLP) h) Plasenta Increta / Percreta	Tempoh Kehamilan <sup>4</sup>	100% daripada RM 10,000.00 <i>Boleh dituntut sekali.</i>
i) Pembekuan Intravaskular yang disebarkan	Selepas 7 bulan kehamilan	
j) Keguguran yang Lewat	Dari minggu ke 18 hingga minggu ke 28 kehamilan	
k) Kematian Janin	Selepas 28 minggu kehamilan	
l) Kematian Anak	Dalam tempoh 30 hari selepas kelahiran	
m) Kematian Ibu <sup>5</sup>	Semasa kehamilan <sup>4</sup> atau dalam tempoh 30 hari selepas kelahiran	
<b>B. Manfaat Penjagaan Kesuburan<sup>3</sup></b> Pembayaran balik bagi rawatan sokongan kesuburan dan prosedur melalui Intrauterine Insemination (IUI) atau In-Vitro Fertilisation (IVF).	Orang yang Dilindungi <sup>6</sup> Orang yang Dilindungi mencapai usia 50 tahun	ehingga 40% daripada RM 10,000.00 <i>Terhad kepada RM10,000<sup>7</sup> bagi setiap Orang yang Dilindungi.</i>
<b>C. Manfaat Penjagaan Bayi<sup>3</sup></b> a) Spina Bifida b) Sumbing Bibir dengan / tanpa Sumbing Lelangit c) Kecacatan Septum Ventrikel d) Kecacatan Septum Atrium e) Transposisi Salur Darah Utama f) Tetralogi Fallot g) Sindrom Down h) Duktus Arteriosus Terbuka yang memerlukan pembedahan	Orang yang Dilindungi mencapai usia 50 tahun	100% daripada RM 10,000.00 <i>Boleh dituntut sekali.</i>

**Notes:**

- Jumlah Perlindungan Minimum bagi Mom Care adalah RM10,000, dan jumlah perlindungan ini harus sama dengan atau kurang daripada Jumlah Perlindungan Asas, tertakluk kepada maksimum RM50,000.
- Mom Care akan ditamatkan apabila Orang yang Dilindungi mencapai umur 50 tahun atau apabila ketiga-tiga manfaat di atas telah dituntut sepenuhnya.
- Sebarang pembayaran di bawah Manfaat Penjagaan Kehamilan, Manfaat Penjagaan Kesuburan dan Manfaat Penjagaan Bayi tidak akan mengurangkan Jumlah Perlindungan Rider.
- Dari 14 minggu kehamilan
- Jika Kematian Ibu berlaku semasa tempoh menunggu, sejumlah amaun bersamaan dengan sumbangan rider Mom Care yang telah dibayar kecuali bebanan akan dibayar.
- Manfaat Penjagaan Kesuburan dihadkan kepada RM10,000 bagi setiap Orang Dilindungi (tanpa mengira bilangan sivil).
- Orang yang Dilindungi dan pasangannya mesti berkahwin secara sah. Tertakluk kepada terma dan syarat.

*Keterangan manfaat dan penyakit yang dilindungi di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada dokumen sivil untuk maklumat lanjut.*

**Rider takaful perubatan dan kesihatan anda mengecualikan :**

**Penjagaan Kehamilan dan Penjagaan Kesuburan**

Membunuh Diri - Kami tidak akan membayar manfaat kematian ibu di bawah Manfaat Penjagaan Kehamilan, sekiranya kematian tersebut disebabkan oleh perbuatan membunuh diri dalam tempoh 1 tahun dari tarikh kuasa sivil atau tarikh penguatkuasaan semula, mana yang kemudian.

Kami tidak akan membayar sebarang tuntutan untuk Manfaat Penjagaan Kehamilan dan Manfaat Penjagaan Kesuburan jika kematian, keadaan, penyakit, kecederaan atau kejadian disebabkan secara langsung atau secara tidak langsung oleh atau dipercepat oleh atau berkaitan dengan mana-mana perkara berikut:

- sekiranya keadaan dan penyakit pertama kali berlaku atau menunjukkan gejala, atau keadaan yang memberikan diagnosis jelas dalam tempoh 9 bulan bagi Penjagaan Kehamilan dan 18 bulan bagi Penjagaan Kesuburan dari tarikh penguatkuasaan sivil atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana terkemudian;
- sebarang Keadaan yang Sedia Ada yang tidak didedahkan kepada kami berhubung dengan status kesihatan bagi Orang yang Dilindungi;
- tindakan yang disengajakan seperti minum alkohol, mengambil dadah atau racun, cubaan membunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan dalam keadaan waras atau tidak waras;
- Sindrom Daya Kurang Tahan Penyakit ("AIDS") atau dengan kehadiran mana-mana jangkitan Human Immunodeficiency Virus ("HIV");
- penggunaan ubat-ubatan selain yang ditetapkan oleh Doktor;
- menamatkan kehamilannya secara elektif selain atas sebab-sebab perubatan;
- sebarang komplikasi akibat daripada rawatan kesuburan termasuk melalui persenyawaan in-vitro;
- sebarang perbuatan menyalahi undang-undang, jenayah atau sengaja atau kegagalan untuk bertindak; atau
- peperangan, rusuhan atau revolusi atau sebarang keadaan yang sama atau mengambil bahagian dalam sebarang rusuhan, mogok atau kekacauan awam.

**Penjagaan Bayi**

Kami tidak akan membayar sebarang tuntutan untuk Manfaat Penjagaan Bayi jika kematian, keadaan, penyakit, kecederaan atau kejadian disebabkan secara langsung atau secara tidak langsung oleh atau dipercepat oleh atau berkaitan dengan mana-mana perkara berikut:

- sekiranya keadaan dan penyakit pertama kali berlaku atau menunjukkan gejala, atau keadaan yang memberikan diagnosis jelas dalam tempoh 9 bulan bagi Penjagaan Bayi dari tarikh penguatkuasaan sivil atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana terkemudian;
- sebarang Keadaan yang Sedia Ada yang tidak didedahkan kepada kami berhubung dengan status kesihatan bagi Orang yang Dilindungi;
- Sindrom Daya Kurang Tahan Penyakit ("AIDS") atau dengan kehadiran mana-mana jangkitan Human Immunodeficiency Virus ("HIV");
- penggunaan ubat-ubatan selain yang ditetapkan oleh Doktor;
- sebarang komplikasi akibat daripada rawatan kesuburan termasuk melalui persenyawaan in-vitro;
- sebarang perbuatan menyalahi undang-undang, jenayah atau sengaja atau kegagalan untuk bertindak; atau
- peperangan, rusuhan atau revolusi atau sebarang keadaan yang sama atau mengambil bahagian dalam sebarang rusuhan, mogok atau kekacauan awam.

*Nota: Senarai pengecualian di atas tidak menyeluruh. Anda mesti merujuk kepada dokumen sivil untuk senarai penuh pengecualian.*

Jika anda memerlukan bantuan atau mempunyai sebarang soalan mengenai rider takaful perubatan dan kesihatan anda, anda boleh:



Hubungi PruBSN di:  
03-2775 7188



Emel PruBSN di:  
customer@prubsn.com.my



Lawati \* PruBSN di:  
<https://www.prubsn.com.my/ms/riders/mom-care/>

\* Yaknlah bahawa tiada data peribadi anda yang akan dikumpul apabila anda mengklik pada pautan.

### 3 Ketahui Kewajipan anda?

Untuk rider takaful perubatan dan kesihatan ini, anda mesti membayar sumbangan takaful Bulanan sebanyak:			
Sumbangan Perlindungan (ISA)	Mom Care	RM 33.00	Tempoh: 20 tahun
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut untuk semua tahun sijil			
Jumlah Caj Wakalah Pendahuluan, yang termasuk:	RM 1,148.40 atau 14.50% daripada Jumlah Sumbangan Rider RM 7,920.00		
• Komisen (dibayar selama 6 tahun)	RM 677.16 atau 8.55% daripada Jumlah Sumbangan Rider RM 7,920.00		
• Perbelanjaan Pengurusan (dibayar selama 10 tahun)	RM 471.24 atau 5.95 % daripada Jumlah Sumbangan Rider RM 7,920.00		
<p><b>Nota:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Butiran sumbangan: Cukai perkhidmatan dikenakan kepada semua sumbangan yang dibuat untuk tujuan perniagaan. Sila rujuk kepada Jadual Ilustrasi produk untuk untuk Jumlah Bayaran, cukai perkhidmatan (jika ada), dan jumlah sumbangan tahunan.</i></li> <li>• <i>Jumlah Caj Wakalah Pendahuluan: Termasuk perbelanjaan pengurusan PruBSN dan komisen yang dibayar kepada ejen perkhidmatan. Komisen adalah kos terus bagi saluran pengedaran untuk pemasaran produk ini.</i></li> <li>• <i>Senarai yuran dan caj ini adalah tidak menyeluruh Sila rujuk kepada dokumen sijil untuk maklumat lanjut.</i></li> </ul>			

### 4 Terma Utama Lain

- **Kepentingan pendedahan** - anda mesti mendedahkan semua fakta yang berkaitan seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur Orang yang Dilindungi dengan betul apabila menjawab sebarang soalan yang diajukan oleh kami. Kewajipan pendedahan anda diteruskan sehingga sijil takaful dikeluarkan. Jika tidak, anda mungkin menghadapi risiko tuntutan anda ditolak atau sijil takaful ditamatkan.
- **Penolakan *Tabarru'* yang Tidak Dijamin** - kadar *Tabarru'* bagi kematian dan TPD adalah tidak dijamin. Kami boleh menyemak semula kadar *Tabarru'* pada ulang tahun sijil dengan memberi notis bertulis 30 hari.
- **Tempoh menunggu** - kelayakan untuk faedah di bawah sijil hanya akan bermula selepas tempoh menunggu di bawah dari tarikh kuat kuasa sijil, tarikh penguatkuasaan semula sijil atau tarikh endorsan, mana yang lebih lewat.

Manfaat	Tempoh Menunggu
• Manfaat Penjagaan Kehamilan	9 bulan
• Manfaat Penjagaan Kesuburan	18 bulan
• Manfaat Penjagaan Bayi	9 bulan

Sila ambil perhatian bahawa jika anda menukar pelan semasa anda dengan yang lain atau daripada satu pembekal kepada yang lain, anda mungkin tertakluk kepada keperluan pengunderaitan baharu dan tempoh menunggu untuk pelan baharu.

*Nota: Terma utama di atas ini tidak menyeluruh. Sila rujuk dokumen sijil untuk untuk senarai penuh terma.*

### ? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada PruBSN.

- **Tempoh Rujukan Percuma:** Anda boleh membatalkan sijil anda (iaitu pelan asas bersama semua rider yang disertakan) dalam masa 15 hari selepas sijil dihantar kepada anda. Sila rujuk kepada *PruBSN Anggun PDS* mengenai Tempoh Rujukan Percuma.
- **Notis Bertulis:** Anda boleh membatalkan rider ini pada bila-bila masa selepas Tempoh Rujukan Percuma dengan memberikan notis bertulis. Pembatalan rider akan berkuat kuasa pada ulang tahun bulanan selepas permohonan anda diluluskan secara bertulis oleh kami.